

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL
TOYAD ABDULLAH [MUKAH]**

TARIKH : 27 OKTOBER 2015

SOALAN :

**Dato Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]
minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
menyatakan langkah Kerajaan menghadapi perubahan pasaran dan
permintaan kelapa sawit di luar negara.**

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, minyak sawit merupakan antara 17 jenis minyak sayuran utama yang diperdagangkan di peringkat antarabangsa. Selain itu, industri sawit negara adalah berorientasikan eksport dan permintaannya bergantung kepada pertumbuhan ekonomi di negara-negara pengimport utama.

Sejak suku tahun ketiga 2014, pertumbuhan ekonomi yang perlahan di negara-negara pengimport utama seperti China, Kesatuan Eropah dan Pakistan telah juga menjejaskan permintaan dan seterusnya harga minyak sawit. Selain itu, peningkatan penghasilan kacang soya pada tahun 2014 yang merupakan pesaing kepada minyak sawit telah juga menjejaskan permintaan dan seterusnya harga. Ini ditambah pula dengan harga minyak petroleum mentah yang rendah, yang turut menjejaskan permintaan biobahan api berasaskan sawit.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) sentiasa berusaha memastikan pasaran minyak sawit Malaysia di luar negara sentiasa terjamin walaupun terdapat perubahan dalam pasaran minyak dan lemak antarabangsa. Antara langkah-langkah yang telah diambil dan akan diteruskan melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) bagi memperkukuhkan daya saing eksport minyak sawit negara termasuk:

- i. Meneruskan aktiviti-aktiviti promosi produk-produk sawit Malaysia di pasaran-pasaran sedia ada dan memelopori pasaran-pasaran baharu. Ini termasuk negara-negara Asia Tengah, Eropah Timur dan Afrika. Langkah-langkah yang telah dilaksanakan dan akan diteruskan termasuk penganjuran lawatan teknikal dan penganjuran *Palm Oil Trade Fair and Seminar*;
- ii. Menjalankan aktiviti-aktiviti khidmat nasihat teknikal kepada pengimport dan pengguna minyak sawit menerusi pejabat-pejabat serantau MPOB di luar negara. Menerusi aktiviti khidmat nasihat yang dijalankan, kumpulan sasaran yang telah dikenalpasti dibantu bagi menggalakkan mereka mengimport dan menggunakan minyak sawit Malaysia;
- iii. Menggalakkan pemindahan teknologi yang menjurus kepada peningkatan penggunaan minyak sawit di negara-negara pasaran utama. Ini termasuk membantu para pengeluar makanan membangunkan formulasi produk-produk berasaskan minyak sawit;
- iv. Penubuhan pusat khidmat penyelidikan dan pembangunan (R&D) minyak sawit Malaysia di negara-negara pengguna. *Palm Oil Research and Technical Service Institute of MPOB (PORTSIM)* telah diwujudkan di Shanghai, China untuk meningkatkan penggunaan minyak sawit Malaysia dalam formulasi produk makanan dan bukan makanan di China. Sebuah lagi PORTSIM telah ditempatkan di Mumbai, India; dan

- v. Meningkatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan ke arah menghasilkan produk-produk baharu berasaskan sawit. Ini termasuk produk-produk nutraseutikal dan pharmaseutikal. Langkah ini akan membolehkan peningkatan penggunaan minyak sawit dan penghasilan produk-produk berasaskan sawit bagi tujuan makanan dan bukan makanan.

Selain usaha-usaha tersebut, MPIC juga akan mempergiatkan inisiatif menjenamakan minyak sawit Malaysia dari sudut kemampuan dan keselamatan makanan. Bagi maksud ini, peruntukan sebanyak RM20 juta telahpun disediakan bagi memperkukuhkan imej minyak sawit Malaysia di pasaran-pasaran eksport utama.

Tuan Yang Di-Pertua,

MPIC akan meneruskan usaha-usaha ke arah meningkatkan daya saing industri sawit negara dan memastikan pasaran eksport diperluaskan. Langkah ini akan menyumbang ke arah memperkukuhkan harga minyak sawit dan para pengusaha tanaman sawit meraih faedah dari usaha mereka.

Sekian, terima kasih.